

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 23

Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perolehan daripada penjualan aset Kerajaan dan saham milik syarikat MKD Kerajaan sejak Mei 2018 dan sebab penjualannya dibuat serta bagaimana hasil penjualan tersebut digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengenal pasti aset tanah yang kurang strategik bagi tujuan *asset monetization*, serta mengkaji potensi sama ada untuk merasionalisasikan syarikat-syarikat yang mempunyai mandat penubuhan yang sama atau menutup syarikat yang mempunyai beban fiskal kepada negara. Kerajaan juga mengkaji dari segi kepentingan Kerajaan dengan meneliti syarikat-syarikat yang mempunyai nilai komersial, memberikan kesan *crowding out* ataupun sudah tidak relevan dengan objektif awal penubuhannya.

Pelupusan pegangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat Kerajaan akan mengambil kira beberapa faktor termasuk nilai yang telah dicipta dalam syarikat, kepentingan komersial dan strategik kepada pemegang saham (Kerajaan) dan kemampuan pemilik baru untuk membawa syarikat yang akan dilupuskan ke tahap yang lebih baik. Justeru itu, pertimbangan dan keputusan untuk melupuskan atau memansuhkan mana-mana syarikat MKD akan dibuat berdasarkan kepada prestasi syarikat, peranan syarikat-syarikat Kerajaan ini dari segi mandat penubuhan, keperluan industri dan kemampuan syarikat untuk beroperasi, kesan kepada fiskal negara, kesan terhadap penglibatan sektor swasta dalam industri, kesan sosioekonomi seperti kehilangan pekerjaan serta lain-lain aspek yang perlu dikaji secara holistik. Setiap peluang pelupusan aset perlu dinilai secara terperinci berpandukan kepada sasaran kewangan dan strategik yang telah ditentukan terlebih dahulu serta kesesuaian masa dan keadaan pasaran selain daripada pembeli yang bersesuaian.

Walaupun penjualan aset-aset Kerajaan seperti tanah atau pelupusan ekuiti (*divestment*) akan memberikan hasil kepada Kerajaan Persekutuan, namun hasil ini bersifat *one-off* dan tidak mampan (*not sustainable*). Semenjak Mei 2018, tiada lagi aset Kerajaan dan saham milik syarikat MKD yang dijual atau dilupuskan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]**
TARIKH : **8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 24

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah terkini hutang negara termasuk hutang baru yang dipinjam oleh Kerajaan setakat ini; dan
- (b) langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi keadaan ekonomi negara yang kian meruncing selepas pengumuman hutang negara mencecah RM1 trilion yang turut mempengaruhi keyakinan pelabur asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]. Sehingga akhir-Jun 2019, hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah **RM799.1 bilion atau 52.7%** daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), kekal di bawah paras 55% daripada KDNK. Jumlah hutang langsung setakat akhir-Jun 2019 telah meningkat sebanyak RM58.1 bilion kepada RM799.1 bilion, berbanding akhir Disember 2018 (RM741 bilion). Walau bagaimanapun, peningkatan ini dijangka menurun kepada kira-kira RM52 bilion pada akhir-2019, seperti yang dirancang dalam Belanjawan 2019 dan diluluskan oleh Parlimen.

Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** serta **liabiliti lain** seperti bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) bagi tempoh 2018 – 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047. Secara keseluruhannya, **jumlah keseluruhan komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM1.1 trilion**.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memperteguh asas ekonomi negara dan memulihkan keyakinan pelabur termasuk memperkukuh pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan, menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik, meningkatkan perdagangan, menambah baik kualiti pendidikan dan latihan, serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan. Kejayaan Kerajaan mengurus ekonomi negara, serta hutang dan liabiliti Kerajaan mendapat keyakinan para pelabur asing di mana pelaburan asing yang diluluskan untuk sektor pembuatan telah meningkat melebihi 100% untuk 2018. Tambahan lagi, 3 agensi penarafan antarabangsa telah mengesahkan dan mengekalkan taraf kredit Kerajaan Malaysia pada tahap A3 atau A-. Kerajaan terus berusaha memperkukuh daya saing negara di peringkat global dengan meningkatkan kemahiran pekerja untuk mencapai pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara. Inisiatif tersebut akan terus dipertingkatkan dan diperkemas melalui langkah Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 11 Oktober 2019 nanti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAMBAT@JUGAH AK
MUYANG [LUBOK ANTU]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 25

Y.B. TUAN TAMBAT@JUGAH AK MUYANG [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan Mini UTC@Pusat Khidmat Rakyat untuk semua agensi bagi kemudahan urusan pentadbiran rakyat khususnya masyarakat luar bandar memandangkan kawasan Parlimen ini berdekatan dengan sempadan Indonesia [Badau]. Jarak dari bandar terdekat adalah 190km bagi kadar [pergi dan balik] bagi menyelesaikan urusan berkaitan dengan agensi-agensi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Kewangan tiada perancangan untuk menubuhkan Mini UTC @ Pusat Khidmat Rakyat bagi masyarakat luar bandar di kawasan Parlimen Lubok Antu. Kementerian Kewangan hanya akan menyelaras penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di bandar-bandar utama yang bersesuaian, tertakluk kepada kebolehlaksanaan (*viability*) projek dan kemampuan kewangan Kerajaan. Untuk perkhidmatan Kerajaan di luar bandar ia sesuai dilaksanakan di bawah program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).